

# KEPERLUAN KESEDARAN POLITIK BAGI GOLONGAN MUDA

KITA percaya terdapat sesuatu fenomena kurang sihat yang wujud di sebalik statistik menunjukkan bahawa 70 peratus daripada 4.9 juta rakyat yang belum mendaftar sebagai pengundi sehingga Disember lalu adalah golongan muda berusia antara 21 hingga 35 tahun.

Bagaimanapun, dalam hal ini kita tidak wajar terus menyalahkan golongan muda kerana tidak mengambil berat untuk mendaftar sebagai pengundi pilihan raya.

Ini kerana mesti ada sebab mengapa mereka tidak mengambil peduli untuk mendaftar sebagai pemilih dan apa yang boleh kita nyatakan ialah terdapatnya fenomena kekurangan kesedaran politik di kalangan golongan muda.

Dalam hal ini, perlu juga kita menarik perhatian kepada kepentingan kesedaran politik di kalangan rakyat, baik orang dewasa, mahupun golongan muda. Malah kedudukan golongan muda sebagai pencorak landskap politik negara adalah penting

um - 3/4/2007  
kerana bukan saja mereka merupakan pewaris tetapi juga penyambung kepada kelangsungan nasional.

Perlu diingat bahawa penubuhan negara ini apabila mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 adalah berlandaskan kepada kesedaran politik tinggi di kalangan anak-anak muda pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an. Anak-anak pramerdeka ini menjadi pejuang nasionalis dan pendukung kepada usaha memperjuangkan kemerdekaan. Tanpa kesedaran politik yang tinggi, mungkin Malaysia akan terus menjadi tanah jajahan Britain.

Mungkin kita boleh memberi alasan bahawa zaman yang tidak menentu itu, iaitu sekitar 1940-an dan 1950-an menghasilkan kesedaran politik yang tinggi di kalangan masyarakat termasuk golongan muda. Tetapi hari ini apabila keadaan sudah menjadi bertambah stabil dan senang, maka dengan sendirinya minat terhadap politik men-

jadi rendah.

Bagaimanapun kita perlu ingat bahawa terdapat nasihat dan seruan yang dilakukan oleh banyak pihak selama ini kepada golongan muda hingga menyebabkan berlakunya kekurangan kesedaran politik.

Umpamanya terhadap mahasiswa universiti, banyak di kalangan golongan dewasa tidak menggalakkan mereka mengambil berat terhadap soal-soal politik kerana bimbang akan berlaku pengabaian terhadap pelajaran.

Sedangkan kesedaran politik di kalangan golongan muda terpelajar amat penting untuk masa depan, bukan saja merekalah yang kelak akan menjadi pemimpin negara tetapi juga sebagai pelajar, pendidikan yang dilalui wajar turut meliputi soal-soal tatanegara.

Maka untuk memastikan golongan muda secara sukarela mendaftar menjadi pemilih, kesedaran politik di kalangan mereka mesti diperbaiki.